

MALAYSIA

DR. 14 TAHUN 2016
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK

PENYATA
JAWATANKUASA DEWAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

Dikemukakan oleh :

YANG BERTHORMAT TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
PANDIKAR AMIN BIN HAJI MULIA
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA DEWAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
BIL. 1 TAHUN 2016

Tarikh : 22 November 2016 (Selasa)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Bilik Jawatankuasa 2
Blok Pejabat Sementara
Parlimen Malaysia

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia (Yang di-Pertua Dewan Rakyat) - Pengerusi

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad
Ahli Parlimen kawasan Mersing

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing
(Ahli Parlimen kawasan Bintulu)

Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
Ahli Parlimen kawasan Padang Besar

Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz bin Omar
Ahli Parlimen kawasan Pokok Sena

Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah Setiausaha Dewan Rakyat - Setiausaha

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

Yang Berhormat Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh
(Ahli Parlimen kawasan Putatan)

Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook
(Ahli Parlimen kawasan Seremban)

HADIR BERSAMA

Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said
(Ahli Parlimen kawasan Pengerang/ Menteri di Jabatan
Perdana Menteri – Menteri bagi Parlimen)

Yang Berhormat Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad
(Ahli Parlimen kawasan Johor Bahru/ Pengerusi BNBBC)

Jabatan Peguam Negara

Puan Azirul Liza binti Abdullah
(Ketua Unit Perkhidmatan Bahagian Penasihat)

Puan Khairunnisa' binti Jusni
(Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Norazmi bin Mohd Narawi
(Penasihat Undang-undang)

Encik Mohamad Fauzi bin Md. Isa
(Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan
Organisasi)

Encik Azhar bin Aziz
(Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Organisasi)

Puan Hasmarulaini binti Omar
(Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan)

Parlimen Malaysia

Encik Wan Zainul Azamin Bin Khamid @ Abd Majid
(Penasihat Undang-undang)

Puan Lavinia a/p Vyveganathan
(Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat)

Encik Nasrul Izani bin Ramli
(Penolong Setiausaha Kanan, Unit Jawatankuasa)

MINIT MESYUARAT

1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT TAN SRI Pengerusi

- 1.1 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat pada Mesyuarat Jawatankuasa kali ini.
- 1.2 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat hari ini adalah untuk meneliti dan membincangkan mengenai Fasa Kedua Agenda Transformasi Parlimen iaitu pewujudan semula Akta Perkhidmatan Parlimen melalui Rang Undang-Undang.

2.0 EDARAN DOKUMEN

Dokumen berikut telah diedarkan semasa mesyuarat:

- i) Lampiran A – Kertas Kerja Kajian Pengwujudan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963;
- ii) Lampiran B – *Working Draft Parliamentary Service Bill*; dan
- iii) Lampiran C – *Parliamentary Service Act 1963* [Akta 394]

3.0 PERBINCANGAN

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa untuk menghidupkan semula *Parliamentary Services Act 1963* yang telah dimansuhkan pada tahun 1992 perlu juga mewujudkan semula peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan.
- 3.2 Mesyuarat juga mengambil maklum dengan cadangan untuk mengembalikan terlebih dahulu *Parliamentary Services Act 1963* dan sekiranya terdapat cadangan penambahbaikan ia akan dibuat kemudian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Dewan.

- 3.3 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan penambahbaikan yang telah dimasukkan ke dalam *Working Draft Parliamentary Service Bill* (Lampiran B).
- 3.4 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan pewujudan jawatan Ketua Pentadbir Parlimen di dalam *Working Draft Parliamentary Service Bill* (Lampiran B) tersebut sebagai wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- 3.5 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan pindaan kepada pelantikan Ahli Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen oleh Ketua Majlis (*Leader of the House*) bagi keahlian anggota Senator dan Ahli Dewan Rakyat .
- 3.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa *Working Draft Parliamentary Service Bill* (Lampiran B) adalah berdasarkan Akta yang asal.
- 3.7 Mesyuarat mengambil maklum dengan pandangan dan cadangan daripada pihak Jabatan Peguam Negara.

4.0 SYOR JAWATANKUASA

- 4.1 Mesyuarat bersetuju agar Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dihidupkan semula melalui Rang Undang-Undang.
- 4.2 Mesyuarat bersetuju agar pindaan dibuat ke atas Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang yang berkaitan.
- 4.3 Mesyuarat bersetuju agar Perkhidmatan Awam sedia ada diubah kepada perkhidmatan Parlimen secara eksklusif.

4.4 Mesyuarat bersetuju supaya Penyata Jawatankuasa Dewan dibentangkan ke dalam Majlis Mesyuarat untuk diterima dan dipersetujukan serta seterusnya diangkat untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

4.5 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu seperti di **LAMPIRAN D**

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.23 petang.

LAMPIRAN-LAMPIRAN
A HINGGA D

LAMPIRAN A

KAJIAN PENGWUJUDAN SEMULA AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN 1963

TUJUAN

1. Kajian Pengwujudan Akta Perkhidmatan Parlimen adalah bertujuan untuk mengembalikan kuasa autonomi kepada Parlimen Malaysia dalam perkara urus tadbir dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

LATAR BELAKANG

2. Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 telah dimansuhkan melalui perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1992 di Dewan Rakyat pada Selasa 20 Oktober 1992 dan Rabu 21 Oktober 1992. Rang Undang-Undang ini telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar (Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang). Rang Undang-undang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada Rabu 21 Oktober 1992. Akta ini telah berkuatkuasa pada 20 November 1993.

Susulan daripada pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dalam Perkara 65 dan Perkara 132.

PERKARA 65 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

3. Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan adalah bagi memperuntukkan berkenaan jawatan-jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam Perkhidmatan Parlimen yang dipilih daripada mereka yang menjadi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Ini akan membolehkan mereka yang berpengalaman dilantik ke jawatan-jawatan yang akan meningkatkan prestasi perkhidmatan sokongan bagi urusan-urusan Parlimen.

Sebelum pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1992, fasal asal **Perkara 65 (2) hingga Perkara 65 (5) Perlembagaan Persekutuan** adalah seperti yang berikut:

"65. Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat

(1).....

(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), setiap seorang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur 60 tahun atau apa-apa umur lain sebagai mana yang diperuntukkan oleh Parlimen melalui undang-undang, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya: Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah boleh dikira sebagai menghalang Yang di-Pertuan Agong daripada membuat perlantikan daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang baginya Bahagian X terpakai bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagai mana yang difikirkannya patut, dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi bahagian perlu perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

(3) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat boleh dipecat daripada jawatan atas alasan dan mengikut cara yang sama sebagaimana seorang hakim Mahkamah Agung, kecuali bahawa

representasi yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 125 hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang Di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan oleh Yang Di-Pertua Dewan Rakyat.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Perkara ini, kelayakan untuk pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, dan anggota kakitangan Majlis-majlis Parlimen, bolehlah dikawal selia oleh Undang-undang Persekutuan.

(5) Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan anggota kakitangan Parlimen adalah hilang kelayakan daripada menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Fasal-fasal ini digantikan kemudiannya dengan Perkara 65(2) hingga Perkara 65 (5) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

" 65. Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat

(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan dan setiap seorang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur persaraan paksa bagi anggota perkhidmatan awam am melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am itu.

(3) Orang yang memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Fasal ini hendaklah, melainkan jika mana-mana orang itu belum mencapai umur lima puluh lima tahun dan sudah memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, terus memegang jawatan masing-masing atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa sedemikian dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan, dan dalam hal ini representasi yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 125 hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(4) (Dimansuhkan)

(5) (Dimansuhkan)

PERKARA 132 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

4. Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dalam Fasal terdahulu sebelum dipinda pada tahun 1992 adalah bagi memperuntukkan bahawa Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara dan kakitangan adalah dikecualikan daripada perkara-perkara berkenaan Perkhidmatan-perkhidmatan Awam.

Fasal asal Perkara 132(4) Perlembagaan Persekutuan adalah:

“ (4) Sebutan dalam Bahagian ini, kecuali dalam Perkara 136 dan 147, mengenai orang dalam perkhidmatan awam atau anggota mana-mana perkhidmatan awam tidaklah terpakai bagi—

- (a) **Setiausaha mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana kakitangan Parlimen,**
- (b) Peguam Negara atau, jika peruntukan bagi cara pelantikan dan pemecatannya daripada jawatan dimasukkan dengan khususnya dalam Perlembagaan Negeri itu, atau jika dia dilantik bukan daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau perkhidmatan awam Negeri, penasihat undang-undang mana-mana Negeri; atau
- (c) seseorang anggota kakitangan peribadi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri; atau
- (d) dalam hal Melaka dan Pulau Pinang, jika peruntukan dibuat melalui undang-undang Negeri bagi pelantikan mereka—
 - (i) Yang di-Pertua Jabatan Hal Ehwal Agama;
 - (ii) Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama;
 - (iii) Mufti;
 - (iv) Kadi Besar; atau
 - (v) Kadi.

Fasal-fasal ini digantikan dengan Perkara 132(4) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

“(4) Sebutan dalam Bahagian ini, kecuali dalam Perkara 136 dan 147, mengenai orang dalam perkhidmatan awam atau anggota mana-mana perkhidmatan awam tidaklah terpakai bagi—

- (a) (Dimansuhkan)*
- (b) Peguam Negara atau, jika peruntukan bagi cara pelantikan dan pemecatannya daripada jawatan dimasukkan dengan khususnya dalam Perlembagaan Negeri itu, atau jika dia dilantik bukan daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau perkhidmatan awam Negeri, penasihat undang-undang mana-mana Negeri; atau*
- (c) seseorang anggota kakitangan peribadi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri; atau*
- (d) dalam hal Melaka dan Pulau Pinang, jika peruntukan dibuat melalui undang-undang Negeri bagi pelantikan mereka—*
 - (i) Yang di-Pertua Jabatan Hal Ehwal Agama;*
 - (ii) Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama;*
 - (iii) Mufti;*
 - (iv) Kadi Besar; atau*
 - (v) Kadi.*

SEKSYEN 7 AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1992 (AKTA A837)

5. Seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 (Akta A837) juga membubarkan Perkhidmatan Parlimen yang sedia ada itu. Seksyen 7 adalah seperti yang berikut:

- (a) *tiap-tiap anggota kakitangan Majlis Parlimen yang sebelum sahaja mula berkuatkuasa ialah anggota perkhidmatan Parlimen sebagaimana yang ditubuhkan menurut Seksyen 3 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dan telah memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah menjadi anggota perkhidmatan awam itu dan segala terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai bagi anggota-anggota perkhidmtan awam itu hendaklah terpakai bagi mereka seolah-olah mereka telah dilantik kepada Perkhidmatan Awam itu.*
- (b) *tiap-tiap orang yang disebut dalam perenggan (a) yang memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah diambil kerja atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja akta ini mula berkuatkuasa.*
- (c) *apa-apa prosiding berkenaan dengan mana-mana anggota kakitangan Majlis Parlimen yang belum selesai di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh atau di bawah Perkhidmatan Parlimen 1963 hendaklah diteruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang relevan*

(d) Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 adalah dimansuhkan;
dan

Mana-mana anggota kakitangan Majlis Parlimen yang tidak memilih atau tidak boleh memilih oleh sebab telah mencapai umur lima puluh lima tahun untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah terus menjadi anggota Perkhidmatan Parlimen atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai baginya sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa seolah-olah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 telah tidak dimansuhkan.

ASAS PEMANSUHAN AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN 1963

6. Berdasarkan rujukan penyata rasmi perbincangan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1992 di Dewan Rakyat pada Selasa 20 Oktober 1992 dan Rabu 21 Oktober 1992, dari segi perkhidmatan dan perjawatan, Kerajaan berpendapat bahawa pindaan ini boleh mendatangkan beberapa kebaikan.

Antaranya kebaikan yang dimaksudkan adalah peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas terutamanya dari segi kenaikan pangkat, penempatan dan peluang pertukaran pegawai-pegawai akan bertambah baik kerana adanya kumpulan pegawai yang ramai dengan pengalaman-pengalaman kerja yang luas dan pelbagai.

Penempatan boleh dilaksanakan mengikut kecenderungan dan pengalaman seseorang pegawai dan perancangan tenaga manusia, latihan dan perkhidmatan dapat dipertimbangkan melalui perancangan secara berpusat.

A. PERKHIDMATAN PARLIMEN MALAYSIA

7. Secara prinsipnya, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 memperuntukkan bahawa perkhidmatan Parlimen adalah terasing daripada perkhidmatan awam. Akta ini memperuntukkan mengenai kelayakan untuk pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Parlimen, urusan kenaikan pangkat dan tindakan disiplin yang secara khususnya akan dibuat oleh Jawatankuasa Penasihat Parlimen mengikut seksyen seperti berikut:

- Seksyen 1 - Tajuk ringkas
- Seksyen 2 - Tafsiran
- Seksyen 3 - Penubuhan Perkhidmatan Parlimen
- Seksyen 4 - Perlantikan anggota Perkhidmatan Parlimen selain daripada Setiausaha -Setiausaha bagi kedua-dua Majlis
- Seksyen 5 - Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen
- Seksyen 6 - Gaji-gaji kakitangan dan sebagainya
- Seksyen 7 - Peraturan-Peraturan
**Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Parlimen 1983
(P.U (A) 279/1983)**
- Seksyen 8 - Pemakaian Ordinan Pencen 1951 atau Akta Pencen 1980.

IMPLIKASI

8. Pengwujudan semula Akta Perkhidmatan Parlimen akan mengakibatkan struktur perjawatan Parlimen Malaysia akan berubah kepada bentuk Perkhidmatan Tertutup Parlimen dan bukan lagi Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Secara konsepnya, Akta Perkhidmatan Parlimen akan memberikan kuasa kepada Parlimen Malaysia untuk melantik pegawai dan kakitangannya sendiri. Dalam hal ini, perjawatan sedia ada di Parlimen yang telah diisi oleh pegawai dan kakitangan daripada perkhidmatan awam akan dirombak semula dan berkemungkinan dilupuskan dan digantikan dengan perjawatan baru di bawah perkhidmatan tertutup Parlimen Malaysia.

Dalam hal ini, tempoh masa yang bersesuaian adalah diperlukan untuk melantik pegawai dan kakitangan baru dalam perkhidmatan tertutup Parlimen bagi memastikan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran Parlimen adalah di tahap maksimum dan tidak terkesan dalam tempoh peralihan kepada perkhidmatan tertutup Parlimen. Ini kerana kekangan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan boleh berlaku sekiranya pegawai dan kakitangan sedia ada tidak dikekalkan di Parlimen bagi membantu dalam pengurusan dan pentadbiran di Parlimen Malaysia.

Bagi memastikan wujudnya kesinambungan dalam urus tadbir, menambahbaik dan memantapkan pengwujudan semula Perkhidmatan Parlimen, adalah dicadangkan agar pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam Persekutuan yang masih dan sedang berkhidmat di Parlimen, diberi lantikan secara pinjaman atau apa-apa kaedah lain dalam perkhidmatan.

Selain itu, perlu dipertimbangkan juga implikasi lain seperti kenaikan pangkat, tindakan tata tertib dan lantikan pegawai dan kakitangan ke atas pegawai dan kakitangan Parlimen apabila Perkhidmatan Tertutup Parlimen diperkenalkan kelak. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap organisasi lain yang mempunyai Perkhidmatan Tertutup, didapati berlaku masalah-masalah seperti peluang kenaikan pangkat yang terhad akibat ketiadaan perjawatan, ketiadaan kekosongan, penganan tindakan tata tertib yang tidak adil, lantikan calon-calon yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau mereka berkepentingan sering berlaku. Hal ini akan menyebabkan berlakunya "brain drain" atau perpindahan pegawai dan kakitangan yang berpengalaman, berkemahiran dan berkebolehan keluar akibat masalah-masalah yang dinyatakan sebelum daripada ini di sesetengah organisasi Perkhidmatan Tertutup.

B. PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PENASIHAT PERKHIDMATAN PARLIMEN (PARLIAMENT SERVICE ADVISORY COMMITTEE)

9. Cadangan adalah untuk mengkaji semula keperluan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen (*Parliament Service Advisory Committee*) seperti yang telah dinyatakan dalam Seksyen 5 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 (Pindaan 1972) seperti yang berikut:

"Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Penasihat Parlimen yang terdiri daripada-

(a) Yang Dipertua Dewan Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Yang Dipertua Dewan Rakyat yang hendaklah menjadi pengerusi bersama;

- (c) seorang Senator yang dinamakan oleh Perdana Menteri;
- (d) seorang ahli Dewan Rakyat yang dinamakan oleh Perdana Menteri;
- (e) seorang ahli Dewan Rakyat yang dinamakan oleh Yang Dipertua Dewan itu, untuk mewakili pihak pembangkang Kerajaan Persekutuan;
- (f) seorang pegawai yang dinamakan oleh Perbendaharaan;
- (g) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam atau wakilnya.

Berdasarkan kesesuaian semasa, adalah dicadangkan bahawa Yang diPertua Dewan Rakyat adalah sebagai Pengerusi dan Yang diPertua Dewan Negara adalah Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penasihat ini seperti mana yang pernah dinyatakan dalam Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 (sebelum pindaan 1972):

- "5. There shall be a Parliamentary Service Advisory Committee consisting of-*
- a) the Speaker of the House of Representatives who shall be the Chairman;*
 - b) the President of the Senate;..."*

Dan kemasukan Peguam Negara atau wakilnya adalah kerana Parlimen sebagai salah satu cabang Kerajaan dalam doktrin pengasingan kuasa, hendaklah dinasihati berhubung perkara undang-undang oleh Peguam Negara seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan manakala kemasukan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia sebagai ahli

dalam Jawatankuasa Penasihat ini adalah bertujuan untuk memastikan kewujudan pentadbiran Parlimen yang mempunyai keutuhan dan berintegriti.

C. KETUA PENTADBIR BAGI PERKHIDMATAN PARLIMEN

10. Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Parlimen 1963 P.U. (A) 279, Perkara 11(1) dinyatakan bahawa Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menjadi Ketua Pentadbir Perkhidmatan Parlimen dan hendaklah atas sifat itu dikenali sebagai Setiausaha bagi Parlimen.

Manakala Perkara 11(2) dinyatakan bahawa Setiausaha Dewan Negara hendaklah dikenali sebagai Timbalan Setiausaha bagi Parlimen.

Bagi memastikan wujudnya kesinambungan dan memantapkan urusan Pentadbir Parlimen Malaysia, adalah dicadangkan agar jawatan Ketua Pentadbir yang sedia ada diberi lantikan secara pinjaman atau apa-apa kaedah lain dalam perkhidmatan dan diisi oleh pegawai dari perkhidmatan awam persekutuan.

Sehubungan dengan itu, jawatan Ketua Pentadbir dicadangkan untuk menjalankan sebagai Timbalan Setiausaha bagi Parlimen dalam hal urusan pentadbiran Parlimen dan disokong oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan.

PENUTUP

11. Pengwujudan semula dengan skim Perkhidmatan Parlimen dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan adalah merupakan satu konsep

pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif yang mana semua urusan perkhidmatan dan urus tadbir Parlimen akan dilaksanakan sendiri oleh Parlimen. Perkara ini adalah diangkat bagi pertimbangan Jawatankuasa Dewan untuk diperhalusi cadangan-cadangannya dalam merealisasi usaha memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.

LAMPIRAN B

PARLIAMENTARY SERVICE BILL XXXX

Long Title & Preamble

An Act to provide for the qualifications for appointment and conditions of service of members of the staff of the House of Parliament.

BE IT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

Section 1. Short title.

This Act may be cited as the **Parliamentary Service Act XXXX**.

Section 2. Interpretation.

In this Act, unless the context otherwise requires -

"Advisory Committee" means the Parliamentary Service Advisory Committee established by section 5;

"Parliamentary Service" means the service constituted under section 3;

"salary" includes allowance.

Section 3. Establishment of Parliamentary Service.

The offices of Setiausaha Dewan Negara (Clerk to the Senate) and Setiausaha Dewan Rakyat (Clerk to the House of Representatives) and of other members of the staff of the Houses of Parliament shall constitute a **separate service**, to be styled the Parliamentary Service, which shall be subject to this Act.

Section 4. Appointment of members of the Parliamentary Service other than the Clerks to both Houses.

(1) Members of the Staff of the Houses of Parliament, other than the Clerks to the said Houses, shall be appointed jointly by the Yang di-Pertua Dewan Negara and the Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(2) For the purpose of selecting and recommending candidates suitable for appointments under subsection (1), there shall be a Committee of Selection consisting of the Clerk to the Senate, the Clerk to the House of Representatives and a representative of the Public Services Department.

(3) For the purpose of appointments under subsection (1), the candidates shall be vetted by the Chief Government Security Officer and Malaysia Anti Corruption Commission.

(4) The officers of the Judicial and Legal Service shall be appointed for the posts of legal advisor and legal officers.

Section 5. Parliamentary Service Advisory Committee.

There shall be a Parliamentary Service Advisory Committee consisting of-

- (a) the Yang di-Pertua Dewan Rakyat who shall be the Chairman;
- (b) Yang di-Pertua Dewan Negara the who shall be co-chairman;
- (c) one Senator nominated by the Prime Minister;
- (d) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Prime Minister;

(e) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Speaker of that House, to represent a party in opposition to the Federal Government;

(f) Attorney-General or his representative;

(g) an officer nominated by the Treasury

(h) Director General of the Public Services Department or his representative;
and

(i) Chief Commissioner of the Malaysian Anti Corruption Commission.

Section 6. Salaries of staff, etc.

The number and designation of the posts in the Parliamentary Service, and the salaries and scales of salaries to be attached thereto, shall be such as may be determined by the Advisory Committee and approved by the Yang di-Pertuan Agong.

Section 7. Regulations.

Subject to Clauses (2) and (3) of Article 65 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong may, after consultation with the Advisory Committee, make regulations providing for-

(a) the qualifications for appointment of members of the Parliamentary Service and the conditions of service of such members;

(b) the discipline of members of the Parliamentary Service and for disciplinary proceedings against such members, including the interdiction, suspension, punishment and dismissal of such members;

(c) the administration of the Parliamentary Service and the regulation and control of the work and conduct of such members.

Section 8. Application of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

The Parliamentary Service shall be deemed to be public service in Malaysia for the purposes of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

EXPLANATORY STATEMENT

The Parliamentary Service Act proposed by this Bill seeks to provide for the qualifications for appointment and conditions of service of members of the staff of the House of Parliament, to establish the Parliamentary Service Advisory Committee and to provide for related matters.

- Section 1 - Short title
 - Section 2 - Interpretation
 - Section 3 - Establishment of Parliamentary Service
 - Section 4 - Appointment of members of the Parliamentary Service other than the Clerks to both Houses.
 - Section 5 - Parliamentary Service Advisory Committee
 - Section 6 - Salaries of staff, etc
 - Section 7 - Regulations
- Parliamentary Service Regulations 1983 (P.U (A) 279/1983)**

Section 8 - Application of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.

LAMPIRAN C

ACT 394
PARLIAMENTARY SERVICE ACT 1963 (REVISED - 1989)

Long Title & Preamble

An Act to provide for the qualifications for appointment and conditions of service of members of the staff of the House of Parliament.

BE IT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

Section 1. Short title.

This Act may be cited as the **Parliamentary Service Act 1963**.

Section 2. Interpretation.

In this Act, unless the context otherwise requires -

"Advisory Committee" means the Parliamentary Service Advisory Committee established by section 5;

"Parliamentary Service" means the service constituted under section 3;

"salary" includes allowance.

Section 3. Establishment of Parliamentary Service.

The offices of Clerk to the Senate and Clerk to the House of Representatives and of other members of the staff of the Houses of Parliament shall constitute a separate service, to be styled the Parliamentary Service, which shall be subject to this Act.

Section 4. Appointment of members of the Parliamentary Service other than the Clerks to both Houses.

(1) Members of the Staff of the Houses of Parliament, other than the Clerks to the said Houses, shall be appointed jointly by the Yang di-Pertua Dewan Negara and the Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(2) For the purpose of selecting and recommending candidates suitable for appointments under subsection (1), there shall be a Committee of Selection consisting of the Clerk to the Senate, the Clerk to the House of Representatives and a representative of the Public Services Department.

Section 5. Parliamentary Service Advisory Committee.

There shall be a Parliamentary Service Advisory Committee consisting of-

- (a) the Yang di-Pertua Dewan Negara who shall be the Chairman;
- (b) the Yang di-Pertua Dewan Rakyat who shall be co-chairman;
- (c) one Senator nominated by the Prime Minister;
- (d) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Prime Minister;
- (e) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Speaker of that House, to represent a party in opposition to the Federal Government;
- (f) an officer nominated by the Treasury;
- (g) the Director General of the Public Services Department or his representative.

Section 6. Salaries of staff, etc.

The number and designation of the posts in the Parliamentary Service, and the salaries and scales of salaries to be attached thereto, shall be such as may be determined by the Advisory Committee and approved by the Yang di-Pertuan Agong.

Section 7. Regulations.

Subject to Clauses (2) and (3) of Article 65 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong may, after consultation with the Advisory Committee, make regulations providing for-

- (a) the qualifications for appointment of members of the Parliamentary Service and the conditions of service of such members;
- (b) the discipline of members of the Parliamentary Service and for disciplinary proceedings against such members, including the interdiction, suspension, punishment and dismissal of such members;
- (c) the administration of the Parliamentary Service and the regulation and control of the work and conduct of such members.

Section 8. Application of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

The Parliamentary Service shall be deemed to be public service in Malaysia for the purposes of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

LIST OF AMENDMENTS

Particulars under section 7 (ii) and (iii) of the Revision of Laws Act 1968 (Act 1)

<i>Amending Law</i>	<i>Short Title</i>	<i>In force from</i>
Act A101	Parliamentary Service (Amendment) Act 1972	1-4-1972

LIST OF LAWS OR PARTS THEREOF SUPERSEDED

No.	Title
12 of 1963	Parliamentary Service Act 1963

LIST OF AMENDMENTS MADE BY THE COMMISSIONER OF LAW REVISION UNDER SECTION 6 OF THE REVISION OF LAWS ACT 1968 (ACT 1)

<i>Provision</i>	<i>Particulars of Amendment</i>	<i>Authority for Amendment</i>
s. 1	The provision for date of commencement omitted; marginal note amended	s. 6 (1) (i) (d); (vii)
s. 3	The words "the provisions of" omitted	s. 6 (1) (iii)
s. 4	The words "Yang di-Pertua Dewan Negara" substituted for the words "President of the Senate"; the words "Yang di-Pertua Dewan Rakyat" substituted for the words "Speaker of the House of Representatives"	s. 6 (1) (iii); (x); (xviii)
s. 5	The words "Yang di-Pertua Dewan Negara" substituted for the words "President of the Senate"; the words "Yang di-Pertua Dewan Rakyat" substituted for the words "Speaker of the House of Representatives"; of the words "Dewan Rakyat" substituted for the words "House of Representatives"	s. 6 (1) (iii); (x); (xviii)
s. 8	The words "or the Pensions	s. 6 (1) (x)

Act 1980" is inserted at the
end of the sentence

LAMPIRAN D

PARLIAMENTARY SERVICE BILL

Long Title & Preamble

An Act to provide for the qualifications for appointment and conditions of service of members of the staff of the House of Parliament.

BE IT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

Section 1. Short title.

This Act may be cited as the **Parliamentary Service Act**.

Section 2. Interpretation.

In this Act, unless the context otherwise requires -

"Advisory Committee" means the Parliamentary Service Advisory Committee established by section 5;

"Parliamentary Service" means the service constituted under section 3;

"salary" includes allowance.

Section 3. Establishment of Parliamentary Service.

The offices of Setiausaha Dewan Negara (Clerk to the Senate) and Setiausaha Dewan Rakyat (Clerk to the House of Representatives) and of other members of the staff of the Houses of Parliament shall constitute a **separate service**, to be styled the Parliamentary Service, which shall be subject to this Act.

Section 4. Appointment of members of the Parliamentary Service other than the Clerks to both Houses.

(1) Members of the Staff of the Houses of Parliament, other than the Clerks to the said Houses, shall be appointed jointly by the Yang di-Pertua Dewan Negara and the Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(2) For the purpose of selecting and recommending candidates suitable for appointments under subsection (1), there shall be a Committee of Selection consisting of the Clerk to the Senate, the Clerk to the House of Representatives and a representative of the Public Services Department.

(3) The officers of the Judicial and Legal Service shall be appointed for the posts of legal advisor and legal officers.

Section 5. Parliamentary Service Advisory Committee.

There shall be a Parliamentary Service Advisory Committee consisting of-

- (a) the Yang di-Pertua Dewan Rakyat who shall be the Chairman;
- (b) Yang di-Pertua Dewan Negara the who shall be co-chairman;
- (c) one Senator nominated by the Leader of The House;
- (d) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Leader of The House;
- (e) one member of the Dewan Rakyat nominated by the Speaker of that House in consultation with Leader of the Opposition, to represent a party in opposition to the Federal Government;
- (f) Attorney-General or his representative;

- (g) an officer nominated by the Treasury; and
- (h) Director General of the Public Services Department or his representative

Section 6. Salaries of staff, etc.

The number and designation of the posts in the Parliamentary Service, and the salaries and scales of salaries to be attached thereto, shall be such as may be determined by the Advisory Committee and approved by the Yang di-Pertuan Agong.

Section 7. Regulations.

Subject to Clauses (2) and (3) of Article 65 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong may, after consultation with the Advisory Committee, make regulations providing for-

- (a) the qualifications for appointment of members of the Parliamentary Service and the conditions of service of such members;
- (b) the discipline of members of the Parliamentary Service and for disciplinary proceedings against such members, including the interdiction, suspension, punishment and dismissal of such members;
- (c) the administration of the Parliamentary Service and the regulation and control of the work and conduct of such members.

Section 8. Application of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

The Parliamentary Service shall be deemed to be public service in Malaysia for the purposes of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

EXPLANATORY STATEMENT

The Parliamentary Service Act proposed by this Bill seeks to provide for the qualifications for appointment and conditions of service of members of the staff of the House of Parliament, to establish the Parliamentary Service Advisory Committee and to provide for related matters.

- Section 1 - Short title
- Section 2 - Interpretation
- Section 3 - Establishment of Parliamentary Service
- Section 4 - Appointment of members of the Parliamentary Service other than the Clerks to both Houses.
- Section 5 - Parliamentary Service Advisory Committee
- Section 6 - Salaries of staff, etc
- Section 7 - Regulations
Parliamentary Service Regulations 1983 (P.U (A) 279/1983)
- Section 8 - Application of the Pensions Ordinance 1951 or the Pensions Act 1980.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.